

Headline	Bukan sengaja nak tebang pokok		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	07 May 2014	Circulation	40,000
Section	Mahkamah	Readership	120,000
Page No	22	ArticleSize	338 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 5,141
Journalist	HIDAYAH HAIROM	PR Value	RM 15,423
Frequency	Daily		



'Bukan sengaja nak tebang pokok'

DBKL beri penjelasan isu Taman Rimba Kiara, pokok ditebang agar tiada risiko keselamatan terhadap pengunjung

■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR – "Pokok-pokok itu bukan sengaja ditebang, tetapi kerana sudah mati dan membahayakan pengunjung," demikian tegas Pengarah Jabatan Lanskap dan Rekreasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mustafa Mohd Nor, mengulas isu penebangan pokok di Taman Rimba Kiara yang membulatkan rasa kurang senang penduduk setempat.

Beliau berkata, penebangan pokok-pokok berusia lebih 10 tahun itu merupakan sebahagian daripada rutin penyelenggaraan pokok yang dilakukan jabatannya.

Menurutnya, musim kemarau sebelum ini menyebabkan pokok-pokok di situ banyak yang sakit dan tidak boleh terus hidup dengan sempurna.

"Sifat pokok ini, jika mati akan kering di bahagian atas dahulu, jadi lama kelamaan ia akan mati dan boleh undang

risiko tumbang.

"Jadi ia ditebang sebagai langkah awal, tambahan pula kedudukannya di antara pokok-pokok lain dan tidak begitu menjadikan suasana redup."

"Perkara ini telah dijelaskan kepada persatuan penduduk Taman Tun Dr Ismail (TTDI) dan mereka meherimanya dengan baik," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan luahan penduduk TTDI yang tidak senang dengan tindakan itu yang dalam masa sama mendakwa tujuan pokok-pokok itu ditebang adalah untuk tujuan pembangunan kediaman.

"Kurang daripada 30 batang yang ditebang, bukannya 50 seperti yang didakwa," katanya.

Dalam pada itu, Mustafa berkata, selain pemantauan pokok-pokok secara kasar, jabatannya juga membuat pe-

meriksaan pokok menggunakan peralatan khas dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Lilitan akan dibuat di pokok-pokok besar sebelum diketuk untuk mengenal pasti rongga dalam batang pokok.

Ini untuk tujuan pemuliharaan pokok-pokok lama dalam masa sama sebagai langkah mengelakkan pokok tumbang," katanya.

'Tolong selamatkan pokok itu'

Penduduk pertikaikan tindakan DBKL tebang pokok simpan di Taman Rimba Kiara

KUALA LUMPUR – Tindakan pokok berlaku di Taman Rimba Kiara di Kuala Lumpur (DBKL) yang merundung pokok-simpan di Taman Rimba Kiara yang undang rasa kurang senang serta merisihkan perhatian dan perasaan penduduk.

Setanamala Persatuan Penduduk Taman Tun Dr Ismail (TTDI) mengatakan, DBKL tidak wujudnya merentahkan pokok di sana kerana ia merupakan pokok-pokok yang masih hidup dan berfungsi masihlah berfungsi dan berdaya hidup.

Menurut Magang, lembah puncak yang dilalui undang rasa kurang senang dan merisihkan perhatian dan perasaan penduduk.

"Pokok yang ditebang itu sebenarnya masih hidup dan masih ada makhluk-makhluk kecil bertempat di dalamnya," katanya.

Lebih lagi, pihaknya pula mengatakan agar pokok-pokok di sana diperlakukan dengan baik kerana ia merupakan pokok-pokok yang masih hidup dan berdaya hidup.

Terbahagi, pihaknya telah memohonkan permasalahan tersebut kepada DBKL dan memohon supaya aktiviti penebangan pokok di sana berhenti seluruhnya.

"Regangan supaya pokok-pokok berhenti seluruhnya dan tidak dilakukan lagi," katanya.

DBKL dan maklumat supaya aktiviti penebangan pokok di sana berhenti seluruhnya.

"Bukan sengaja nak tebang pokok itu," katanya.

"Itu tidak logik kerana ia di taman rendah berkenaan."

"Itu taraduhan"

"Itu horor disita"

Laporan *Sinar Harian* pada 3 Mei lalu.



Penebangan pokok-pokok di Taman Rimba Kiara merupakan sebahagian rutin penyelenggaraan dilakukan Jabatan Lanskap dan Rekreasi DBKL.